

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pengenalan tulisan jawi akan diteruskan dalam buku teks baharu darjah 5 untuk SK dan SJK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), terdapat peruntukan yang menetapkan bahawa Kurikulum Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta tersebut juga menyatakan bahawa Kurikulum Kebangsaan hendaklah termasuk mata pelajaran teras. Bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu, merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan. Oleh itu, mata pelajaran teras ini hendaklah menjadi asas yang mesti dipelajari oleh semua murid di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

Berkaitan dengan pengenalan tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, kerajaan pada 14 Ogos 2019 telah membuat keputusan supaya bilangan muka surat buku teks dikurangkan daripada 6 muka surat mengikut cadangan asal kepada 3 muka surat sahaja. Kerajaan juga memutuskan agar pengenalan tulisan jawi terus dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan sekolah mubaligh bantuan Kerajaan jika dipersetujui oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta murid.

Mengambil kira Akta Pendidikan 1996, KPM akan memperhalusi semula perkara berkaitan dengan tulisan jawi ini secara menyeluruh dan holistik. Buat masa ini, keputusan Jemaah Menteri sebelum ini dikekalkan.

Sekian, terima kasih.